

SATU TINJAUAN RINGKAS MENGENAI PERANAN MARA
DALAM MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA
DI DAERAH LARUT MATANG DAN SELAMA

AZMAN BIN ABDULLAH
SAHABUDIN BIN MD ISA

KERTAS KAJIAN INI DISEDIAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SYARAT KEPERLUAN MEMPEROLEHI
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK

2000

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah s.w.t., Tuhan semesta alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Bersyukur kami ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, telah membolehkan kami berjaya menyiapkan Kertas Projek ini yang merupakan syarat kepada kami untuk menamatkan Kursus Diploma Pentadbiran Awam.

Pertamanya ingin kami rakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah dan penasihat Kertas Projek ini PAD 340, Prof. Madya Mohd Fauzi bin Mohd Harun yang telah membimbing dan menasihati kami dalam penyediaan dan pelaksanaan kertas projek ini. Semoga Allah memberkati segala usaha yang beliau telah curahkan.

Penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Megat Zakaria bin Megat Ahmad, Pegawai MARA Daerah Larut Matang dan Selama, kerana sudi ditemubual dan memberi penerangan serta maklumat perancangan MARA Taiping di bawah kawalannya. Sekalung budi juga untuk Puan Norhafizah, Pegawai MARA Daerah Kinta yang memberi kerjasama dan

SINOPSIS

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, MARA memainkan peranan penting dalam pembentukan usahawan Bumiputera yang berdaya maju dan berdaya saing serta penghasilan gunatenaga terlatih Bumiputera yang mempunyai tahap kemahiran dan kepakaran yang tinggi ke arah pewujudan satu masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera. Namun untuk mencapai matlamat tersebut sudah semestinya memerlukan pengorbanan, melalui pelbagai rintangan dan masalah serta perit jerih perjalanan pentadbiran. Kajian ini cuba memaparkan beberapa permasalahan yang timbul sepanjang peranan yang dimainkan oleh MARA khususnya di daerah Larut Matang dan Selama. Pelbagai kaedah digunakan untuk kajian ini termasuklah data primer dan data sekunder seperti siasatan, soalselidik, pemerhatian dan bahan rujukan. Kesimpulan dari kajian ini adalah diharapkan satu formula perlu diperkenalkan untuk mengilap kembali imej MARA di mata masyarakat Bumiputera, selaras dengan objektif MARA iaitu untuk menggalak, membimbing, melatih dan membantu Bumiputera khususnya di luar bandar supaya menyertai secara aktif dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan ke arah membentuk masyarakat usahawan Bumiputera yang berdaya tahan, profesional dan kukuh.

KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS (BAHASA MALAYSIA)	vi
SYNOPSIS (BAHASA INGGERIS)	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI CARTA	xx
SENARAI PETA	xxi
BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah	1
1.2 Objektif	2
1.3 Hipotesis	2
1.4 Skop Penyelidikan	3

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan dan Penyataan Masalah

Selain sektor awam dan swasta yang bersungguh-sungguh dalam usaha membentuk negara menjadi sebuah negara maju, badan berkanun juga tidak terkecuali malah peranannya tidak boleh diperkecilkan terutamanya dalam meninggikan taraf ekonomi Bumiputera. Majlis Amanah Rakyat atau singkatannya MARA adalah satu badan yang paling hampir dan akrab kepada bumiputera terutamanya dalam membimbing bumiputera di dalam bidang perniagaan dan pendidikan. Sejak dari penubuhan RIDA (Rural Industrial Development Authority), hinggalah bertukar kepada MARA banyak sudah tanggungjawab yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak berwajib dalam usaha mengembangkan budaya niaga di kalangan bumiputera.

Namun dalam memainkan peranan ini masalah selalu menjadi halangan terhadap kelancaran perjalanan jentera pentadbiran. Bertolak atas kesedaran inilah kami cuba mengkaji, memahami dan menyebarkan persediaan serta permasalahan yang dihadapi oleh pihak MARA khususnya di daerah Larut Matang dan Selama agar dapat mencapai satu rumusan serta resolusi dan semoga ini merupakan titik tolak terhadap pengkajian yang lebih mendalam lagi.